



SALAH LAKU GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA: REMEDI DI MAHKAMAH PERUSAHAAN

Yusramizza Md Isa @ Yusuff, Anis Shuhaiza Md Salleh, Mumtaj Hassan

This case was written by Yusramizza Md Isa @ Yusuff, Anis Shuhaiza Md Salleh and Mumtaj Hassan, Universiti Utara Malaysia. It is intended to be used as the basis for class discussion rather than to illustrate either effective or ineffective handling of a management situation.

Disclaimer. This case is written solely for educational purposes and is not intended to represent successful or unsuccessful managerial decision making. The author/s may have disguised names, financial and other recognizable information to protect confidentiality.

Institute for Management and Business Research (IMBRe)
Universiti Utara Malaysia

Tel : +604 – 928 7607/7608/7609 | Fax: +604 – 928 7611

<http://www.imbre.uum.edu.my>

Pengenalan

Di Malaysia, salah laku gangguan seksual di tempat kerja masih berlaku walaupun pelbagai usaha direncanakan dan dilaksanakan oleh kerajaan untuk menanganinya. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), dari tahun 2013 hingga 2017 sebanyak 1,218 kes gangguan seksual di tempat kerja telah direkodkan yang melibatkan 257 adalah mangsa lelaki dan selebihnya 961 adalah wanita. Gangguan seksual yang berlaku menyebabkan implikasi negatif kepada mangsa daripada aspek fisiologi, psikologi dan tingkah laku. Kesan-kesan ini biasanya akan mempengaruhi semangat dan prestasi pekerja kerana pemikiran mangsa serta tingkahlakunya akan terganggu. Majikan juga akan menerima impak daripada kesan yang dialami oleh mangsa terutama apabila mangsa memilih untuk berhenti kerja atau memfailkan tuntutan terhadap majikan rentetan gangguan seksual yang berlaku.

Gangguan seksual merupakan salah laku di tempat kerja yang kerap dipandang remeh oleh pihak majikan. Akta Kerja 1955 mahupun Akta Perhubungan Perusahaan 1967 tidak memberikan takrifan salah laku di tempat kerja. Secara umum, salah laku membawa maksud tingkah laku yang tidak wajar dan disengajakan serta yang bertentangan dengan pelaksanaan kewajibannya atau menjadi pelanggaran kewajipan sama ada secara nyata atau secara tersirat. Perbuatan salah laku tersebut mestilah berlaku dalam konteks perhubungan majikan dan pekerja. Kes *Liew Ken & Yang Lain lwn. Malayan Thung Pau Bhd.* (Award 37/1974) memperincikan salah laku sebagai:

"The dictionary meanings of the word "misconduct" are improper behaviour; intentional wrongdoing or deliberate violation of a rule or standard of behaviour. In so far the relationship of industrial employment is concerned, a workman has certain express or implied obligations towards his employer..."

Sementara Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (1999) yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia menghuraikan maksud gangguan seksual dalam Perkara 4 sebagai:

Sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal:

- (i) yang atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjanya; atau
- (ii) yang atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya.

Kod tersebut seterusnya menerangkan setiap bentuk gangguan seksual sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal secara terperinci dengan contoh-contoh yang jelas. Selaras dengan peruntukan Kod tersebut, Akta Kerja (Pindaan) 2012 memberikan satu definisi ringkas dalam seksyen 2 berhubung dengan takrifan gangguan seksual, iaitu "apa-apa tingkah laku atau kelakuan yang berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, gerak-geri atau secara fizikal, diarahkan kepada seseorang yang boleh menyinggung atau menghina atau mengancam kesejahteraan yang berbangkit dari atau dalam menjalankan pekerjaannya".

Akta Kerja 1955 yang dipinda oleh Akta Kerja (Pindaan) 2012 memperuntukkan satu bahagian spesifik berkenaan dengan gangguan seksual iaitu Bahagian XVA yang terdiri daripada seksyen 81A

-Contact us, to get full version -

Please click: <https://forms.gle/gN2HrVaYcx2hBxSu8> to proceed

Thank you.

* Rate: RM 10.00 (Full case with teaching note – for instructor only)
RM 5.00 (Full case only – for student)

For further enquiry, please feel free to contact us:

- **04-928 7605 / 7609 (CDR Secretariat)**
- cdr@uum.edu.my